

7) TAJUK : RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Tuan Cheong Kian Young (Kajang)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri untuk Rumah Selangorku yang dibina dengan cara servis apartment yang perlu menanggung cukai taksiran dan caj utiliti dengan kadar komersil selepas serah kunci?

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, tiada projek Rumah Selangorku yang diluluskan dan dibina di atas tanah komersial. Ini kerana Rumah Selangorku adalah kategori kediaman (residential) dan segala cukai taksiran dan caj utiliti adalah berdasarkan kepada kediaman.

Walau bagaimanapun, bagi tanah- tanah berstatus komersial dan pembangunan yang terdiri daripada pangsapuri perkhidmatan, pemaju disyaratkan untuk membina di antara 10% hingga 30% Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik berdasarkan zon pembangunan dan bilangan unit keseluruhan yang akan dibina. Unit-unit ini ditawarkan pada harga sekitar RM250,000 hingga RM270,000.

Memandangkan unit-unit Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik ini dibina di atas tanah komersial, ianya juga dikenakan cukai taksiran dan caj utiliti pada kadar komersial.

